

## Daun sebagai Wahana Komunikasi dalam Kesusasteraan Melayu

SITI DAHLIA ABDULLAH  
*Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn*

MAWAR SAFEI  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*

TUAN RUSMAWATI RAJA HASAN  
*Universiti Sains Malaysia*

### ABSTRAK

Komunikasi manusia Melayu dengan alam sangat akrab dan ia sering menjadi ilham dalam pengkaryaan. Ilham itu juga membentuk satu jaringan komunikasi yang tersendiri antara penulis dengan pembaca. Masyarakat Melayu termasuk masyarakat Mandailing memiliki bentuk komunikasi yang tersendiri terkait dengan alam sekitar khususnya pepohonan dan tumpuan terhadap jenis daun. *Hata bulung-bulung* atau bahasa daun-daunan digunakan mereka untuk tujuan komunikasi soal emosi yang ada hubungan dengan bunyi nama daun yang digunakan. Kajian ini meninjau hasil karya sastera Melayu yang terkait dengan bentuk “komunikasi daun” dengan memanfaatkan kerangka intertekstualiti. Dasar fahaman intertekstualiti yang digagaskan awal oleh Mikhail Mikhailovich Bakhtin dan Julia Kristeva adalah komunikasi antara teks. Beberapa prinsip intertekstualiti seperti ekspansi, transformasi dan parallel, dipertimbangkan dalam melihat dua karya sastera Melayu yang memanfaatkan komunikasi daun seperti dalam cerpen “Tamsil Daun” (2012) oleh Mawar Safei dan novel *Daun* (2008) oleh Malim Ghazali Pk. Cerpen “Tamsil Daun” mengajukan bentuk komunikasi daun sebagai pernyataan makna kepatuhan dalam permasalahan penutupan aurat. Sementara novel *Daun* memaparkan pertelingkahan sahsiah dan sosial yang kemudiannya sangat terkait dengan jiwa manusia Melayu yang peka dengan perubahan persekitarannya. Jelas kedua-dua pengarang menerapkan bentuk komunikasi daun sebagai pengucapan pemikiran mereka dalam karya yang dihasilkan kerana ia mempunyai gandingan komunikasi manusia dengan alam.

**Kata kunci:** *Bahasa Mandailing, daun, hata bulung-bulung, komunikasi, sastera Melayu.*

## Leaves as A Mean of Communication in Malay Literature

### ABSTRACT

The communication of Malays with nature seems to be very close and it is often become the inspiration in the work. The inspiration also forms a distinct communication network between the writer and the reader. The Malay community including the Mandailings has its own forms of communication related to the environment, particularly on the types of trees and leaves. *Hata bulung-bulung* or the language of the leaves are used for the purpose of communicating emotional matters related to the sound of the name of the leaves used. This study examines the work of the Malay literature associated with the “communications leaf” by utilizing the framework of intertextuality. The basic concept of intertextuality first conceived by Mikhail Mikhailovich Bakhtin and Julia Kristeva is communication between text. Some of the principles of intertextuality such as expansion, transformation and parallel, are taken into account in examining two Malay literary works that utilize communication leaves like in some short story such as “Tamsil Daun” (2012) by Mawar Safei and the novel *Daun* (2008) by Malim Ghazali Pk. The short story “Tamsil Daun” presents the form of leaf

communication as to imply a statement of compliance in covering the *áurat*. While the novel *Daun* highlights the personality and social conflict that is strongly related to the Malay psyche who are sensitive to the changes in its environment. It is clear that both authors apply the form of leaf communication as the expression of their thoughts in the work produced because it shows the coupling of human communication with nature.

**Keywords:** *Mandailings language, leaves, hata bulung-bulung, communication, Malay literature.*

## PENGENALAN

Komunikasi manusia Melayu dengan alam sangat akrab. Ia terjelma banyak dalam karya sastera Melayu tradisional seperti pantun. Alam termasuk tumbuh-tumbuhan termasuk pepohonan, daun, buah, bunga dan akar, sering menjadi ilham dalam pengkaryaan. Ilham itu juga membentuk satu jaringan komunikasi yang tersendiri antara penulis dengan pembaca. Masyarakat Melayu termasuk masyarakat Mandailing memiliki bentuk komunikasi yang tersendiri terkait dengan alam sekitar khususnya pepohonan dan tumpuan terhadap jenis daun. *Hata bulung-bulung* atau bahasa daun-daunan. Setiap jenis daun memberikan makna masing-masing dalam konteks bahasa Mandailing, berasaskan persamaan bunyi kata. Fahaman dasar komunikasi antara daun dengan kata dan makna, cuba dilihat dalam penghasilan karya sastera.

Menurut *Kamus Dewan* (2005), komunikasi adalah perhubungan langsung atau tidak langsung dengan perantaraan surat, radio, telefon dan alat-alat lain yang digunakan untuk berhubung sesama manusia. Sejak peringkat awal kemunculan manusia di muka bumi, mereka mempunyai sistem perhubungan yang tersendiri. Sesetengah masyarakat kuno berkomunikasi menggunakan bahasa isyarat, bahkan melalui lukisan di dinding-dinding misalnya. Namun begitu, kaedah komunikasi ini berkembang selaras dengan kehidupan mereka dari semasa ke semasa. Komunikasi terbahagi kepada dua iaitu secara lisan dan bukan lisan.

Pemerhatian kajian ini dihalakan terhadap komunikasi secara bukan lisan (bertulis) menerusi dua genre kesusasteraan iaitu cerpen dan novel. Tulisan ini mengambil bentuk komunikasi di luar konvensi apabila pengkaji mengambil sebuah karya kreatif yang dihasilkannya sendiri, iaitu cerpen "Tamsil Daun" yang sangat berkait dengan latar Bahasa daunan *hata bulung-bulung*. Penulisan proses kreatif seorang penulis juga merupakan satu bentuk komunikasi bukan lisan yang menghubungkan di antara penulis dengan khalayak dan juga penulis dengan teks yang dihasilkan. Gaya penulisan ini mengajukan satu falsafah komunikasi yang harus dilihat dengan semangat merdeka dan lebih lebar; bahawa "komunikasi" itu adalah anugerah untuk semua makhluk ciptaan. Ia sebaliknya bukan hanya struktur komunikasi yang polos, tohor apatah lagi tertutup. Komunikasi tidak hanya tertakluk kepada definisi asas yang dibekalkan *Kamus Dewan* berkenaan. Beberapa contoh buku proses kreatif sebagai penghubung penulis dengan teks dan khalayak banyak diterbitkan di luar negara dan juga dalam konteks sastera Melayu. Misalnya, *The Creative Process: Short Story* (Parker, 2013), *Proses Kreatif: Mengapa dan Bagaimana Saya Mengarang* (Pamusuk Eneste, 2009) dan *Bagaimana Saya Menulis* (Mawar & Nisah, 2017).

Sebagaimana dilihat seawal abad ke-19, Charles Darwin pernah menanggapi *non verbal communication* menerusi buku klasiknya, *The Expression of the Emotions in Man and Animals* (1872). Kajiannya antara lain memperagakan bagaimana ekspresi emosi itu melangkaui kata-kata. Diajukan anggota tubuh badan manusia misalnya muka yang sederap dengan nada suara, melahirkan ragam perasaan yang tertentu. Otak manusia dirangsang aliran darah, bertindak terhadap kuasa minda akibat daripada gerakan gagasan dan fikiran.

Akhirnya ia dipersembahkan pada wajah seseorang dan itu merupakan isyarat hubungan kepada pihak lain. Malah mungkin sahaja ia dalam rangkaian komunikasi batiniah atau akhirnya mendalami jiwa manusia yang paling seni sehingga mencecah komunikasi spiritual. Ragam dan bentuk komunikasi ini yang harus difahami, bahawa ia sangat dinamis dan terus tumbuh.

Tumpuan komunikasi bahasan dalam tulisan ini, bahasa *huta bulung-bulung* turut membawa falsafah komunikasi yang lebih anjal dan pada masa yang sama istimewa dalam wilayah alam Melayu. Pemeragaan dan kehadiran unsur alam oleh pengarang merupakan satu bentuk acuan kaedah berkomunikasi di luar kotak takrifan komunikasi totok. Komunikasi manusia Melayu diyakini sangat terkait dengan alam. Ia terjelma banyak dalam karya sastera Melayu tradisional seperti pantun. Alam tumbuh-tumbuhan termasuk pepohonan, daun, buah, bunga dan akar, sering menjadi ilham dalam pengkaryaan. Ilham itu juga membentuk satu jaringan komunikasi yang tersendiri antara penulis dengan pembaca.

Pemeragaan bentuk komunikasi ini antara lain merupakan satu kaedah yang digunakan pengarang untuk menyampaikan makna baru dalam karyanya. Hal ini dibuktikan dengan penggunaan unsur alam dalam pantun dan syair misalnya (Zurinah, 2010). Beliau turut menyatakan bahawa “Seniman yang halus perasaannya sangat rapat hubungannya dengan alam sekitar. Dalam angan-angannya, alam itu hidup dan tumbuh-tumbuhan, batu-batu serta bunga-bunga ialah makhluk yang bernyawa.”

Penggunaan unsur alam sebagai perlambangan yang sesuai dengan makna yang disampaikan, akan menambah nilai estetika sesebuah puisi termasuk pantun (Harun, 1989). Ia juga dikenali sebagai perlambangan atau bahasa kiasan (Za’aba, 1934, hlm.196). Menurutny, perlambangan digunakan bagi menyamakan makna dalam karya. Ia merupakan salah satu teknik utama sastera dalam kesusasteraan Melayu sama ada dalam genre tradisional mahupun moden. Muhammad (2002, hlm.135) turut menyatakan bahawa perlambangan atau metafora adalah elemen penting di dalam puisi Melayu dan menentukan nilai estetikanya. Selain dalam kesusasteraan Melayu tradisional, unsur alam juga digunakan dalam genre sastera moden seperti novel dan cerpen. Ditemukan pengarang lain yang mengangkat unsur alam dalam sastera moden, misalnya Anwar Ridhwan menerusi novel *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* (1976) dan Jong Chian Lai lewat *Suara Dari Rimba* (2008).

Hal ini menunjukkan bahawa, alam memainkan peranan penting dalam kalangan masyarakat Melayu tradisional yang pada waktu tersebut berada dalam proses interaksi, interpretasi dan integrasi dengan persekitaran. Pengarang yang mengangkat unsur alam dalam karya perlu berinteraksi dengan alam untuk mewujudkan suatu proses pentafsiran. Dari sinilah imej alam itu akan membawa makna yang lebih luas daripada fungsinya yang sebenar. Kemudian pengarang mengamati alam sebagai suatu simbol halus yang dapat digunakan untuk menyampaikan hasrat lewat karya mereka.

Masyarakat Jawa secara umumnya banyak merujuk kepada petua tentang cara melaksanakan sesuatu dengan berkesan di samping penggunaan tanda (simbol) dalam tulisan dan petanda (mimpi, gerhana matahari dan bulan) untuk merujuk kepada kejadian yang bakal berlaku (Yusmilayati, 2015, hlm. 282). Masyarakat Melayu Mandailing khususnya turut memiliki satu bentuk komunikasi yang tersendiri terkait dengan alam sekitar khasnya pepohonan dan tumpuan terhadap jenis daun. *Hata bulung-bulung* atau bahasa daun-daunan memberikan makna masing-masing dalam konteks bahasa Mandailing, berasaskan persamaan bunyi kata. Misalnya daun tumbuh-tumbuhan yang bernama “sitarak” digunakan untuk menyampaikan kata “marsarak” (berpisah) atau daun “sitanggis” (setanggi) digunakan untuk menyampaikan perkataan tangis (menangis). Fahaman dasar komunikasi antara daun

dengan kata dan makna, cuba dilihat dalam penghasilan karya sastera. Pengarang menggunakan unsur alam iaitu “daun” untuk menyampaikan hasratnya lewat karya mereka. Adalah menjadi suatu yang menarik untuk dilihat dari aspek imej daun itu sendiri. Hal ini kerana, “daun” yang dimaksudkan bukanlah hanya daun fisik yang terdapat pada dahan pokok, sebaliknya lebih daripada itu ia memberikan tafsiran yang lebih luas. Menjadi transformasi leksikon flora Mandailing yang membentuk satu makna dalam bahasa Mandailing itu sendiri yang mengandungi nilai budaya yang sangat tinggi (Putri, 2015, hlm. 202).

#### TINJAUAN LITERATUR

Kajian ini antara lain memperlihatkan komunikasi alam dengan manusia Melayu. Ditinjau daripada kajian lepas, beberapa tulisan pernah ditumpukan terhadap hubungan berkenaan. Misalnya bagaimana alam sekitar digembleng para pengarang dalam karya yang ditukangi. Misalnya kajian yang diusahakan Maharam (2005, 2015) dan Fazida (2007). Dalam lewat kajian Maharam iaitu “Isu-isu Alam Sekitar dalam Sastera: Analisis Novel Ramlee Awang Murshid” melihat peranan alam sekitar dalam karya sastera. Kajian menemukan beberapa nilai falsafah alam sekitar dalam novel-novel Ramlee Awang Murshid, misalnya prinsip kelestarian alam sekitar anutan agama Hindu. Watak utamanya, Ejim dikesani menjaga keamanan hutan, menyayangi alam sekitar, sanggup mempertahankannya ke arah kelangsungan alam sekitar itu sendiri. Pengarang dikatakan mengupas isu-isu besar alam sekitar dengan bahasa yang mudah dan senang difahami tanpa mengabaikan unsur estetika karya.

Begitu sekali lagi Maharam Mamat menumpukan perhatian terhadap seorang lagi pengarang Sarawak, Jong Chian Lai. Menerusi artikelnya bertajuk “Etika Alam Sekitar dalam Novel Jong Chian Lai dari Perspektif Pribumi”, Maharam Mamat cuba merungkai interaksi masyarakat pribumi dan alam sekitar. Kajian ini menggunakan kritikan eko (*ecocriticism*) terhadap tiga buah novel Jong Chian Lai iaitu *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga* (1990), *Pindah* (1988) dan *Suara dari Rimba* (2008). Amalan beretika apabila berinteraksi dengan persekitaran dalam kajian ini diteliti dari sudut hubungan mereka dengan alam semula jadi, hubungan dengan manusia yang lain, roh orang mati dan hubungan dengan Sang Pencipta (Tuhan). Kajian mendapati bahawa, masyarakat pribumi menitikberatkan hubungan yang harmoni dengan persekitaran dalam kehidupan mereka. Hubungan yang beretika antara masyarakat pribumi di Sarawak diketengahkan oleh penulis Jong Chian Lai melalui tiga bentuk interaksi utama, iaitu, interaksi antara pribumi dan alam sekitar, antara pribumi dengan roh dan tuhan, termasuk menghormati kawasan perkuburan nenek moyang mereka dan juga interaksi antara pribumi dan masyarakat luar yang lain. Hubungan ini bukan sahaja kerana masyarakat pribumi ini perlu menjaga kelestarian persekitaran bagi menjamin kesinambungan hidup mereka, tetapi juga didorong oleh amalan, kepercayaan dan pegangan hidup masyarakat itu sendiri.

Sementara itu lewat “Elemen-elemen Alam Sekitar dalam Karya-karya Terpilih Shahnnon Ahmad”, Fazida (2007) mengkaji unsur alam sekitar yang terdapat dalam novel *Srengenge*, *Tunggul-tunggul Gerigis*, *Ranjau Sepanjang Jalan*, *Seluang Menodak Baung* serta cerpen “Babi Hutan” dan “Gelungnya Terpokah” karya Shahnnon Ahmad. Pemerihal tumbuhan dan haiwan ditemukan dalam novel *Srengenge*, unsur alam sekitar abiotik dari sudut alam semulajadi pula dominan dalam novel *Ranjau Sepanjang Jalan*, manakala kehadiran unsur alam sekitar buatan manusia seperti pencemaran kesan pembalakan dan pembinaan jalan raya serta kenderaan bermesin, ketara dalam novel *Tunggul-Tunggul*

*Gerigis*. Novel *Ranjau Sepanjang Jalan* juga mempunyai unsur flora dan fauna terutamanya haiwan akuatik. Bagi cerpen pula, “Babi Hutan” memaparkan unsur alam semula jadi, manakala cerpen “Gelungnya Terpokah” menonjolkan unsur alam sekitar biotik. Pembentangan unsur alam sekitar dalam karya Shahnnon Ahmad dikatakan berperanan mendidik pembaca untuk mencintai alam sekitar.

Selain daripada kajian tentang alam sekitar dalam karya sastera, terdapat juga resensi tentang bahasa Mandailing. Triana (2012) menulis “Strategi Komunikasi Antara Budaya Minangkabau-Mandailing: Analisis Terhadap Interaksi Sosial Komuniti Kampus.” Kajiannya melihat strategi komunikasi yang digunakan oleh suku bangsa Minangkabau dan Mandailing dalam lingkungan kampus Institut Agama Islam Negeri Imam Bonjol Padang, Indonesia. Analisis yang memanfaatkan paradigma sosiopragmatik ini merumuskan bahawa pemusatan dan penyimpangan merupakan strategi yang digunakan dalam berkomunikasi antara budaya Minangkabau-Mandailing. Dapatan ini menyokong teori akomodasi Giles (1975) dan model komunikasi konvergensi Rogers dan Kincaid (1981). Aplikasi kedua-dua strategi tersebut secara bervariasi sesuai dengan konteks penggunaannya. Penerapan kedua-dua strategi tersebut melibatkan tiga kod, iaitu bahasa persatuan (Indonesia), Minangkabau, dan Mandailing.

Putri (2015) menulis “Entitas Metafora Leksikon Flora Mandailing Terhadap Kebudayaannya” menumpukan perhatiannya terhadap ragam bahasa *hata bulung-bulung* dalam masyarakat Mandailing. *Hata bulung-bulung* atau bahasa daun-daunan menggunakan daun-daunan yang namanya mempunyai persamaan bunyi dengan kata-kata lainnya dalam bahasa Mandailing. Misalnya daun tumbuh-tumbuhan yang bernama pau (pakis) digunakan untuk menyampaikan kata diau (pada saya). Daun tumbuh-tumbuhan yang bernama podom-podom digunakan untuk menyampaikan perkataan modom (tidur). Daun tumbuh-tumbuhan yang bernama adungdung (madung) digunakan untuk menyampaikan perkataan dung (setelah). Daun tumbuhan yang bernama sitata (hita) digunakan untuk menyampaikan perkataan hita (kita). Dari ragam bahasa banyak yang tidak mengetahui tentang asal-usul bahasa Mandailing itu sendiri.

Bahagian ini turut menelusuri kajian yang dikerjakan terhadap novel *Daun*. Mana Sikana dalam bukunya *Berdiri Di Akar Diri: Kritikan Sastera Melayu Moden* (2013) memuatkan satu bab tentang kajian novel *Daun*. Melalui “Daun Karya Malim Ghazali Pk: Magis Melayu Pascamoden”, Mana Sikana meneliti novel *Daun* menggunakan kerangka Teksdealisme dan Taabudiyah bagi melihat aspek tekstual pascamoden dan unsur keislaman yang diperagakan pengarang. Kajian mendapati bahawa, terdapat aspek tekstualiti, perlanggaran dan kepengarangan dalam novel ini. Dikatakan, *Daun* merupakan sebuah novel yang amat simbolik. Mana Sikana turut berpendapat, *Daun* sarat dengan idea, pemikiran, falsafah dan ideologi tentang makna hidup.

Kajian berjudul “Konflik Intrapersonal Dan Interpersonal dalam *Daun*” yang dikerjakan oleh Hasmawani (2012) cuba mengupas pergolakan batin pengarang terhadap beberapa permasalahan yang berlaku dalam kalangan masyarakat. Persoalan ini merangkumi aspek politik, ekonomi dan sosial. Kajian mendapati, penerokaan ke atas jiwa pengarang dan juga watak-watak yang ditonjolkan sama ada ke alam batin mahupun dalam diri watak ini mendedahkan konflik-konflik yang berlaku sehingga mencetuskan pelbagai masalah sama ada antara individu dengan individu yang lain, perbezaan fahaman, konflik dalam diri sendiri dan sebagainya. Watak-watak yang ditampilkan dan diberi perhatian oleh pengarang menerusi cerita ini dibelenggui konflik sama ada konflik intrapersonal mahupun konflik interpersonal.

Konflik-konflik yang berlaku antara watak ini seolah-olah satira pengarang terhadap permasalahan yang sedang berlaku dalam masyarakat kini.

#### INTERTEKSTUALITI DAN KOMUNIKASI SASTERA

“Intertekstualiti” berasal daripada perkataan Latin iaitu *intertexto* yang bermaksud siratan benang sewaktu menenun. Umum menyatakan bahawa teori intertekstualiti merupakan hasil garapan awal ahli linguistik Switzerland, Ferdinand de Saussure (Mohd Pozi, 2004, hlm. 632). Saussure menirukan perbincangan terhadap persoalan dasar iaitu tanda bahasa yang diwakili dua bahagian iaitu konsep (*signified*) dan bunyi imej (*signifier*). Semiotik hanya sesuai untuk menganalisis karya yang berbentuk abstrak dan *absurd*. Merasakan bahawa terdapat kelemahan dalam strukturalisme gagasan Saussure untuk menganalisis karya Russia pada zamannya mewajarkan Mikhail Bakhtin menggunakan pendekatan lain untuk menafsir karya Russia. Bakhtin mula mengaplikasikan aspek kebahasaan ke genre kesusasteraan sekitar tahun-tahun 1920-an (Mana, 1995, hlm. 193). Dalam buku *The Dialogic Imagination* (1981), Bakhtin menggunakan konsep dialogik. Asas teori “dialog” Bakhtin ialah pengucapan yang lampau mempengaruhi pengucapan hari ini atau tiada pengucapan tanpa hubungan dengan pengucapan lain.

Julia Kristeva merupakan tokoh yang mengembangkan lagi teori dialogik Bakhtin ini. Kristeva tidak lagi menggunakan istilah “*dialogic*” tetapi menggantikannya dengan “*intertextuality*”. Konsep “*intertextuality*” pertama kali diperkenalkan Kristeva kepada khalayak kesusasteraan Perancis pada tahun 1960-an menerusi tulisannya “*Le mot, le dialogue et le roman*” (Mawar, 2005, hlm. 22). Fahaman intertekstualiti dalam kajian ini adalah berdasarkan definisi asas Kristeva bahawa “...any text is the absorption and transformation of another” menerusi *Semiotika and Desire in Language: A Semiotic Approach to Literature and Art* (1980) (Mana, 1998, hlm. 197). Kristeva kemudian melanjutkan proses dialog Bakhtin dengan merincikannya kepada beberapa prinsip asas seperti petikan (*quotation*), penyerapan (*absorption*), pemindahan (*transposition*) dan pengubahan (*transformation*) (Mawar, 2010, hlm. 41).

Rumus intertekstualiti Kristeva mengatakan bahawa proses kreatif seseorang pengarang bertolak dari teks yang lebih awal dengan berlaku beberapa proses pengubahan, penyerapan atau petikan. Kristeva melihat sesebuah teks terbina daripada pelbagai teks yang lebih awal dengan merincikan tiga perkara iaitu apa proses yang berlaku, bagaimana ia dilakukan dan mengapa ia dilakukan oleh pengarang. Menurut Kristeva, kreativiti seseorang individu ditentukan oleh unsur luaran dan unsur-unsur dalaman yang mendominasi pemikiran mereka. Dalam struktur atasan minda terkumpul segala unsur luaran manakala unsur-unsur dalaman menghuni struktur bawahan minda. Unsur-unsur luaran merangkumi pengalaman pengarang, budaya, agama, kepercayaan, tradisi, aspek sosial, sejarah, moral, pendidikan, falsafah, sikap, ideologi serta apa-apa yang memberi sumbangan kepada pembinaan sesebuah karya sastera. Manakala unsur-unsur dalaman merujuk kepada estetika, imaginasi dan ilusi pengarang itu sendiri.

Gabungan kedua-dua unsur iaitu unsur luaran dan dalaman akan mempengaruhi kreativiti pengarang semasa proses penciptaan karya. Faktor-faktor luaran akan mempengaruhi pemikirannya dari aspek pemilihan tema, pelukisan latar dan penampilan watak dalam karya kreatif yang ditangani oleh pengarang. Malah intertekstualiti menyifatkan sesebuah karya itu sebagai cerminan diri pengarang, semua yang berada dalam minda pengarang akan mengalir ke dalam karyanya semasa proses penciptaan kerana unsur-unsur luaran tidak boleh dipisahkan semasa proses penciptaan karya. Malah segala unsur ini akan

menyerap ke dalam teks yang dihasilkan oleh pengarang dan boleh dikesan dalam karya pengarang terbabit. Proses ini penting untuk melihat fungsi dan tujuan kehadiran teks tersebut (Mawar, 2005, hlm. 24).

Hubungan cerpen "Tamsil Daun" dan novel *Daun* dengan bahasa Mandailing melibatkan satu jalinan proses untuk membentuk karya baru bukan sahaja dari segi bentuk malah makna. Dapat dikatakan bahawa fenomena hubungan antara dua buah karya ini dengan bahasa Mandailing dikesan sebagai salah satu idiosinkrasi kepengarangan Mawar Safei dan Malim Ghozali Pk yang cenderung untuk bereksperimen. Dikesani, kedua-dua buah karya ini sendeng mengenengahkan imej "daun" sebagai salah satu wadah komunikasi. Terdapat rencam tafsiran tentang definisi komunikasi oleh para sarjana.

Biagi (2015) mentakrifkan komunikasi sebagai "... *the act of sending messages, ideas and opinions from one person to another.*" Beliau menyatakan bahawa, komunikasi melibatkan penyebaran sesuatu maklumat, idea dan pandangan dari satu pihak ke satu pihak yang lain. Turow (2010) pula mentakrifkan komunikasi sebagai hubungan atau interaksi antara manusia yang melibatkan penyebaran dan pemahaman sesuatu mesej sama ada hiburan, maklumat atau pembujukan. Penyebaran mesej pula boleh dilakukan melalui pelbagai cara, misalnya lisan atau visual, secara sengaja atau tanpa sengaja (Muhd Norizam & Shaiful Bahri, 2015, hlm. 185).

Maka tulisan ini mengambil cerpen "Tamsil Daun" (2012) oleh Mawar Safei dan novel *Daun* (2008) oleh Malim Ghozali Pk, yang menjadikan "daun" sebagai wadah komunikasi.

#### DAPATAN KAJIAN

Cerpen "Tamsil Daun" oleh Mawar Safei; salah seorang penerima Anugerah SEA Write pada tahun 2018 dijadikan salah satu mauduk kajian. Cerpen ini pernah disiarkan dalam *Dewan Siswa* Oktober 2012 kemudian dibukukan dalam kumpulan cerpen *Dan Coklat Mengalir dari Ruang Buncah* (2015). Ia membentangkan watak Saya, protagonis cerpen, menerima perutusan daripada pengirim yang tidak dikenali menerusi beberapa jenis daun. Penggunaan imej daun dalam cerpen ini persis apa yang telah dinyatakan dalam kajian Maharam Mamat (2005 dan 2015) tentang wujudnya nilai falsafah dan interaksi masyarakat dengan alam. Mawar Safei dilihat antara pengarang selain Shahnnon Ahmad yang mengangkat unsur alam dalam karya (Fazida, 2007). Dalam konteks ini, kiriman daun diletakkan di dalam sampul surat tanpa tampalan setem yang tiba setiap Jumaat berselang antara beberapa bulan hijrah. Lima jenis daun yang diterima secara bersiri terdiri daripada daun bakawali, daun delima, daun jelai, daun melati dan daun kesidang.

Hal ini mendatangkan rasa ingin tahu Saya tentang siapa pengirim dan apakah motif di sebalik kiriman daun-daun tersebut. Melalui watak sampingan, Mia, sahabat baik Saya, menebak bahawa pengirim surat daun itu adalah seorang Mandailing. Menurut tulisan Triana (2012, hlm. 242),

...Mandailing merupakan nama suku bangsa yang mendiami sebahagian Kabupaten Tapanuli Selatan dan Kabupaten Mandailing Natal, Sumatera Utara, yang juga dikategorikan sebagai sebahagian daripada suku Batak. Suku tersebut mempunyai bahasa, iaitu bahasa Mandailing. Walaupun masih berkerabat satu dengan yang lain, pada beberapa rujukan disebutkan bahawa bahasa Mandailing salah satu dialek daripada bahasa Batak...

Kajian tentang strategi komunikasi dalam suku bangsa Minangkabau dan Mandailing pernah dijalankan oleh Triana (2012). Menerusi watak Mia, ia menjadi saluran penulis untuk membekalkan maklumat tentang *hata bulung-bulung*. Pembaca dimaklumkan apa itu *hata bulung-bulung* atau bahasa daun-daunan;

...Mia kata ini komunikasi *hata bulung-bulung*. Daun menyampaikan pesan hati. Daun memberitahu apa yang selama ini tersimpan lama dalam kalbu. Nama daun dihubungkan dengan kata yang mirip bunyinya. Daun mawar mungkin maknanya mahu memberitahu, war-war. Daun melur mungkin mahu menegur. Dan kali ini saya menerima daun kesidang! Mengapa saya yakin ia kesidang?...

...*Van Ophuysen menyebutnya sebagai bladerentaal*, tambah Mia. Bahasa daun-daunan. Mengirim rakaman rasa menerusi daunan. Wah, istimewa ya! Dipilih kata yang terhampir dengan bunyi yang mirip dengan nama daun berkenaan. Tapi itu kata-kata dalam kamus Mandailing. Merujuk Mia, daun sitarak dihubung dengan kata *marsarak* yang bermakna berpisah. Atau daun setanggih yang menyangkut kata tangis. Dan daun-daun yang sekian banyak saya terima, adakah merujuk senarai diksi Mandailing juga? Atau si pengirim maksudkan dalam daftar kata Melayu yang kebanyakannya saya fahami. Pernah juga Mia dan saya hampir serentak bertanya, *betulkah dia Mandailing?* Atau hanya digunakan kaedah *hata bulung-bulung*. Tetapi mengapa daun? Mengapa si pengirim bersusah payah mendapatkan pelbagai jenis daun untuk menyatakan suara hatinya. Dan mengapa kepada saya ditujukan surat daunan ini? Adakah si pengutus lembaran daun ini teman sekerja. Siapa dia? Oh, panjangnya senarai nama yang disyaki Mia...

(“Tamsil Daun”, 2015, hlm. 188)

Bentuk komunikasi daun ini merupakan satu cara pengirimnya menyampaikan hasrat iaitu untuk menegur watak Saya tentang isu menutup aurat. Hal ini kerana, watak Saya digambarkan seorang wanita yang tidak memakai tudung;

...Ya Allah! Saya mengusap rambut sendiri. Rambut yang setiap bulan saya dandan di salon untuk dirapikan. Rambut yang setiap hari saya sisir, sanggul atau lepaskan untuk kelihatan menawan. Sekali-sekali saya warnakan apabila musimnya datang. Anehnya, dalam mempamerkan segala yang seharusnya dilindungi, saya taati solat yang wajib, kadangkala dilapisi yang sunat. Begitu juga ibadah lain. Puasa. Umrah. Namun, yang satu ini, saya masih abaikan-hukum menutup aurat...

(“Tamsil Daun”, 2015, hlm. 191)

Plot naratif cerpen ini dibangunkan penulis dengan teka teki siapa pengirimnya dan apa maksud daun yang diselitkan bersama. Perjalanan mencari makna ini akhirnya ditemukan Mia dan Saya menerusi al-Qur’an, ketika suatu petang kedua-duanya menunaikan solah Asar di sebuah masjid berhampiran tempat kerja mereka. Mia menyuakan surah al A’raf ayat 22 kepada watak Saya;



...Dengan sebab itu dapatlah ia menjatuhkan mereka berdua ke dalam larangan dengan tipu dayanya. Setelah mereka memakan buah pohon itu, terdedahlah kepada mereka berdua aurat masing-masing, dan mereka mulailah menutupnya dengan daun-daun dari syurga. Serta Tuhan menyeru kepada mereka: "Bukankah Aku telah melarang kamu berdua dari pokok itu, dan Aku katakan kepada kamu, bahawa syaitan itu adalah musuh kamu yang nyata?..."

("Tamsil Daun", 2015, hlm. 190)

Surah al A'raf berkenaan dijadikan penulis sebagai kunci pembuka komunikasi daun yang sedang berlangsung antara Saya dengan pengirim surat daun. Mawar Safei memanfaatkan ayat al-Qur'an ini yang mengajukan subjek "daun-daun dari syurga". Kisah bagaimana Nabi Adam dan Hawa terdorong dengan bisikan syaitan sehingga mereka was-was dan seterusnya melanggar perintah Allah dengan memakan buah khuldi. Kisah ini penting untuk dijadikan teladan kepada umat manusia. Hal ini kerana, syaitan telah bersumpah di hadapan Allah SWT bahawa ia terus menyesatkan manusia sehingga hari kiamat sebagaimana dinyatakan dalam surah al-A'raf ayat 16-17, "Iblis menjawab, 'Karena Engkau telah menghukumku tersesat, maka saya benar-benar akan (menghalangi) mereka dari jalan-Mu yang lurus, kemudian saya akan mendatangi mereka dari muka dan dari belakang mereka, dari kanan dan dari kiri mereka. Dan Engkau tidak akan mendapati kebanyakan mereka bersyukur kepada-Mu dengan beriman, bertauhid dan taat kepada-Mu karena usaha penyesatan yang akan saya lakukan".

Menurut Hamka dalam *Tafsiran al-Azhar* (2015) menyatakan, pilihan kedua-dua manusia itu untuk akur akan nasihat syaitan mengisyaratkan bahawa ada dalam hati manusia naluri atau keinginan-keinginan. Dalam jalan memenuhi keinginan-keinginan itu pula nantinya ada peperangan dalam hati yang berupa keraguan. Maka akan terbit pertembungan di antara keinginan dengan larangan. Ini juga yang didepani Saya dalam "Tamsil Daun." Komunikasi falsafah daun dengan aurat dalam cerpen ini, membentangkan mauduk kepatuhan dan keingkaran. Betapa sebagai manusia kita sering berada di antara dua tikungan pilihan kehendak dalaman atau *libido*. Saya juga yang masih keliru antara kedua-duanya.

...Anehnya, dalam mempamerkan segala yang seharusnya dilindungi, saya taati solat yang wajib, kadangkala dilapisi yang sunat. Begitu juga ibadah lain. Puasa. Umrah. Namun, yang satu ini, saya masih abaikan-hukum menutup aurat...

("Tamsil Daun", 2015, hlm. 191)

Mawar Safei dikesani menyinggung isu penutupan aurat dalam kalangan wanita. Pemerhatiannya wanita hari ini hanya "menutup rambut", sebaliknya tidak "menutup aurat" mengikut hukum syar'ie. Ada juga dalam kalangan wanita yang bertudung semata-mata kerana ikutan atau fesyen semasa. Walaupun kepala bertutup, namun pakaian yang dikenakan ketat, jarang dan tidak menutup aurat dengan sempurna. Sedangkan aurat seorang wanita itu adalah seluruh badannya kecuali muka dan tapak tangan. Dalam Islam, hukum menutup aurat adalah wajib. Antara dalil dalam al-Quran tentang perintah menutup aurat bagi wanita ditemukan dalam Surah al-Ahzab ayat 59,

...Wahai Nabi, suruhlah isterimu, anak perempuanmu serta wanita-wanita yang beriman, agar melabuhkan pakaiannya bagi menutup seluruh tubuhnya; yang demikian lebih sesuai untuk mereka dikenali, maka mereka tidak akan diganggu. Dan Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani....

Diperlihatkan juga bagaimana fikiran bawah sedar Saya dihimpit antara “kepatuhan dan keingkaran” apabila daun memasuki mimpinya. Babak mimpi ini mewakili kekuasaan daun dalam cerpen ini. Daun menjadi wadah komunikasi batiniah Saya yang sangat mencengkam,

Mimpi itu akhirnya lengkap menjadi babak yang membawa makna. Daun-daun yang luruh menjadi seperti perca-perca kain yang mahu dicapai bagi menutup apa-apa sahaja yang telanjang. Ini bukan hanya soal perempuan dan auratnya, tapi ia turut tentang lelaki yang tidak berupaya menutup kawasan yang diwajibkan bagi mereka. Maka perca-perca daun itu terbakar begitu mudah dalam kawah api yang menyala-nyala. Dan saya hampir tidak dapat melihat ke mana perginya perempuan dan lelaki yang tuna busana itu selain tergelincir ke dalam lidah api gergasi yang sangat menggerunkan!

(“Tamsil Daun”, 2015, hlm. 195)

Begitu Mawar Safei secara langsung memberitahu pembaca akan kaedah komunikasi daun atau *hata bulung-bulung* yang berjalan antara watak Saya dan pengirim surat daunan. Komunikasi daun itu bercakap tentang makna kepatuhan. Perkembangan isu aurat wanita dari petikan surah Al-A’raf ke cerpen oleh pengarang merupakan satu proses ekspansi yang memperlihatkan proses perluasan dan pengembangan. Ia dikerjakan Mawar Safei apabila timbulnya ilham ekoran daripada bahan bacaan awal (hipoteks) bukan kreatif iaitu al-Quran dijadikan subjek pengarang untuk diadaptasikan ke genre cerpen “Tamsil Daun” (hiperteks).

Sementara dalam genre novel, kajian ini menumpukan perhatian terhadap *Daun*, gubahan Malim Ghazali PK yang juga penerima Anugerah SEA Write pada tahun 2013 (Ghazali, 2019, hlm. 217). Antara lain novel ini berkisar tentang pergolakan batin pengarang terhadap beberapa permasalahan yang berlaku dalam kalangan masyarakat di Malaysia pada ketika itu. Novel ini pernah memenangi Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPM) Ke-19 dalam Kategori A. Novel *Daun* menggunakan teknik penulisan cerita berbingkai sebagaimana dinyatakan pengarang lewat novelnya; “ada daun dalam daun.” Bingkai karya ini menampilkan watak Sifar manakala lapisan dalam cerita pula diterajui watak Tan Da-U, seorang pengarang kreatif. Teknik penceritaan yang digunakan oleh pengarang menyimpang daripada plot konvensional kebanyakan novel Melayu. Adakalanya khalayak kehilangan tumpuan kerana berlaku pertindihan antara “cerita novel” dan “cerita dalam novel”. Pengarang secara bebas berkreatif dengan menggunakan imaginasi dalam menyampaikan cerita. Selari dengan kajian yang dikerjakan Hasmawani (2012) dalam *Daun* tentang permasalahan sosial, ditemukan juga pemerihal aspek agama misalnya. Sebagai seorang pengarang yang peka dan prihatin terhadap permasalahan yang berlaku dalam persekitaran, menjadikan *Daun* sebagai wadah untuk menyalurkan hasrat dan pemikiran pengarang.

*i. Isu Agama*

Islam merupakan agama yang syumul, iaitu agama yang menyeluruh dan sempurna (Nur Amirah Basiran, Nur Syazana Mohd Saberi dan Kamarul Azmi Jasmi (2012: 175). Islam adalah sebuah agama penyerahan diri kepada pencipta-Nya dengan mentauhidkan-Nya dengan penuh keyakinan serta melaksanakan suruhan-Nya (*amar makruf*) dan meninggalkan larangan-Nya (*nahi mungkar*). Agama Islam menekankan umatnya untuk berpegang teguh kepada dua perkara, iaitu rukun Islam dan rukun iman. Rukun Islam merangkumi mengucapkan dua kalimah syahadah, menunaikan solat lima waktu sehari semalam, menunaikan zakat, berpuasa di bulan Ramadan dan menunaikan haji bagi yang berkemampuan manakala rukun iman merangkumi enam perkara, iaitu percaya kepada Allah, percaya kepada malaikat, percaya kepada kitab, percaya kepada nabi dan rasul, percaya kepada hari kiamat dan yang terakhir percaya kepada qada' dan qadar.

Pengajian Islam pada peringkat awal dijalankan dalam skala kecil dan lebih tertumpu kepada kelompok tertentu (Khairul Azhar, 2019, hlm. 65). Pengajian agama bukan sahaja dijalankan di rumah tuan guru serta pondok perguruan sebaliknya turut diadakan di istana serta rumah para pembesar. Para ulama' memainkan peranan penting dalam penyebaran agama Islam. Kini, akses dalam bidang pendidikan khususnya dalam bidang agama semakin baik. Justeru, golongan ulama' yang lahir kebanyakannya mendapat pendidikan luar negara, misalnya dalam bidang usuluddin dan tasawuf. Tidak kurang juga terdapat golongan ulama' yang mempunyai ijazah kedoktoran. Namun begitu, terdapat golongan ulama masa kini yang dilihat bergelut dengan jati diri mereka sebagai ahli agama walaupun mereka berpendidikan tinggi. Isu ini diperagakan menerusi;

...Tapi dia ada ilmu, dan ilmu ialah pohon. Dahan, cabang dan ranting membina pohon. Tapi Agoesalim baru ada maklumat sahaja. Maklumat belum apa-apa. baru tunas...

(Daun, 2008, hlm. 14)

Pengarang dilihat menggunakan komunikasi daun bagi menyampaikan sindirannya terhadap ahli ilmun agama yang tidak mempunyai ilmu yang mendalam namun dilihat sering muncul memberikan ceramah di kaca televisyen. Golongan ini diibaratkan; n "tunas" yakni kurang berpengetahuan dan berpengalaman. Agoesalim dikesani ingin menjadi yang terbaik dalam bidang intelek dan agama sebagaimana Ibn Sina yang merupakan seorang peguam, ahli agama, ilmun, ahli falsafah dan saintis. Walau bagaimanapun, tahap keilmuan yang dimiliki Ibn Sina diibaratkan pengarang; ilmu adalah pohon, dahan, cabang dan ranting membina pohon, manakala Agoesalim hanya "tunas" yang mewakili ilmu asas sahaja. Mana (2013, hlm. 187) memberikan kefahaman bahawa "daun" itu menjalinkan makna kehidupan seseorang manusia. Kehidupan manusia diibaratkan seperti daun,

...Sewaktu kita muda kita sering dikaitkan dengan perkataan mentah atau hijau. Jika dikaitkan dengan daun, amat bersesuaian masih hijau seperti daun...

...Apabila mencapai umur yang tua nanti, kita akan menjadi layu dan berguguran dari pohon. Boleh juga dihubungkan dengan kata-kata: ...Daun dengan nama orang yang akan mati di arash akan jatuh dan malaikat maut

datang kepada orang dengan nama tersebut lalu mendampinginya hingga saat kematiannya...

Golongan ini dikatakan sering khilaf dalam mentafsir ayat al-Quran dari maksudnya yang sebenar. Mereka hanya bersandarkan kepada logik akal dan ilmu falsafah yang mereka ada sehingga membuatkan fikiran bercelaru dan gagal memahami sesuatu dengan baik. Ayat-ayat al-Quran sekadar difahami secara harafiah sahaja, sedangkan al-Quran mempunyai tingkat bahasa yang tertinggi kerana ia diturunkan daripada Tuhan. Oleh yang demikian, amatlah penting bagi seseorang ulama' untuk sentiasa berguru dengan orang yang lebih arif dan mempersiapkan diri agar tidak timbul isu "ulama jadian" dan "ulama ekspres."

Begitu juga dengan golongan ulama' yang mengeluarkan fatwa yang salah sehingga mengakibatkan timbulnya kontroversi. Fatwa berasal dari bahasa arab iaitu fata - yaftu - fatwa atau futya. Ia membawa maksud "menjawab perkara-perkara yang menjadi kemusykilan" (Ibrahim Najaib, 1975, hlm. 10). Fatwa berakar umbi daripada Al-Quran. Di zaman Nabi Muhammad, kadangkala para pengikut baginda ada bertanya tentang cara mengerjakan sesuatu, cara beribadat dan sebagainya. Daripada peristiwa-peristiwa ini, Allah kemudiannya menurunkan wahyu dalam bentuk ayat al-Quran. Pertanyaan ini biasanya dijawab oleh baginda kepada para sahabat dalam bentuk perbualan. Setelah kewafatan Nabi Muhammad pada 11 tahun hijrah (632 masihi), penyampaian wahyu dan pesuruh daripada Allah kepada manusia berakhir. Seluruh umat Islam berpaling kepada sahabat baginda untuk pimpinan agama serta menjadi kadi dalam masalah mereka. Setelah mereka, para tabiin ([https://ms.wikipedia.org/wiki/Fatwa#cite\\_note-:2-6](https://ms.wikipedia.org/wiki/Fatwa#cite_note-:2-6)).

Konsep fatwa mula berkembang dalam masyarakat Islam dengan format soal jawab untuk menyampaikan ilmu agama, dan akhirnya membentuk usul al-fikah. Media kini telah mempermudah bentuk bekerjasama dalam pembentukan fatwa. Sekumpulan mufti diajukan soalan melalui laman sesawang fatwa, supaya soalan-soalan dapat diagihkan kepada mufti-mufti yang ada dalam rangkaian tersebut yang bertindak sebagai mufti penasihat. Dalam sesetengah kes pula, mufti-mufti dari pelbagai negara, mazhab dan kadangkala juga aliran agama (Sunah Waljamaah dan Syiah), bekerjasama untuk mengeluarkan fatwa yang ditanggap akan menjadi lebih berwibawa dan kuat kuasa ke atas khalayak awam berbanding fatwa sendirian. Fatwa berjemaah ini (juga dipanggil *ijtihad jama'i*, "pandangan berjemaah") merupakan sebuah perkembangan baharu dalam sejarah, dan dapat ditemukan sebagai majlis dalam institusi kewangan Islam dan majlis fatwa antarabangsa. Isu pengeluaran fatwa yang pernah menjadi suatu perdebatan di Malaysia suatu ketika dulu disaring pengarang;

...Tan Da-U berang-berang kerana Si Agoesalim buat kecoh lagi. Lebih teruk daripada semua kekecohan yang pernah dilakukannya sebelum ini. Berita ini baru saja diterimanya daripada teman di sempadan. Tak lama lagi tentu heboh di surat khabar. Dulu pun surat khabar dan TV macam nak rak bercerita fasal dia. Maklumlah kalua karut-marut sekalipun, ia sensasi dan sensasi ada nilai berita. Edaran boleh meningkat dan *rating* boleh naik. Sekarang Agoesalim buat hal lagi. Dulu Agoesalim boleh main kenyt mata. Waktu itu cakap Imam Hathir dipakai orang. Apa yang terpancut daripada mulutnya dianggap fatwa. Pandangan-pandangan Agoesalim yang terang-terang menentang akidah, dikatakan khilaf saja oleh Imam Hathir...

(Daun, 2008, hlm. 11)

Pengarang menggambarkan watak Agoesalim sebagai seorang mufti yang sering mengundang kekecohan akibat daripada kekhilafan yang dilakukannya. Padahal tugas dan peranan yang digalas oleh seorang mufti itu sangat berat. Mufti bertindak sebagai pakar rujuk agama kepada sultan dalam urusan pentadbiran dan struktur organisasi kerajaan dan dilantik sebagai pembesar negeri (Mohd Kamel Mat Salleh, Mohd Al-Adib Samuri dan Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, 2016, hlm. 3). Misalnya, dalam Undang-Undang Tubuh Negeri Johor tahun 1895 dan Terengganu 1911, peranan dan tanggungjawab mufti sebagai penasihat dan pakar rujuk kerajaan dinyatakan dengan jelas (Nooh, 2005, hlm. 49). Hal ini membuktikan bahawa, mufti akan dirujuk oleh sultan dalam menyelesaikan persoalan dan isu berkaitan pentadbiran mengikut hukum syarak. Mufti juga bertanggungjawab untuk melantik imam, guru agama, menjadi penyelia masjid dan imam solat serta ketua ulama bagi negerinya (Abdullah @ Alwi, 2005). Justeru itu, sedikit sebanyak kredibiliti sebagai mufti akan tercalar jika gagal melaksanakan tugas dengan baik serta mengundang pandangan buruk terhadap golongan ulama' dan Islam itu sendiri.

Selain fungsi daun sebagai wadah komunikasi dalam memperkatakan isu keperibadian ulama', pengarang juga menampilkan soal keimanan masyarakat yang semakin menipis. Iman bermaksud melafazkan dengan lidah, membenarkan dengan hati dan melakukan dengan anggota tubuh badan (Nur Amirah, Nur Syazana & Kamarul Azmi, 2012, hlm. 187). Dalam sebuah hadis, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Dari Abu Hurairah berkata; bahwa Nabi SAW pada suatu hari muncul kepada para sahabat, lalu datang Malaikat Jibril 'Alaihis Salam yang kemudian bertanya: "Apakah iman itu?" Nabi SAW menjawab: Iman adalah kamu beriman kepada Allah, malaikat-malaikatNya, kitab-kitab-Nya, pertemuan dengan-Nya, Rasul-Rasul-Nya, dan kamu beriman kepada hari berbangkit." (Jibril 'Alaihis salam) berkata: "Apakah Islam itu?" Jawab Rasulullah SAW "Islam adalah kamu menyembah Allah dan tidak menyekutukannya dengan suatu apapun, kamu dirikan shalat, kamu tunaikan zakat yang diwajibkan, dan berpuasa di bulan Ramadhan." (Jibril 'Alaihis salam) berkata: "Apakah ihsan itu?" Nabi SAW menjawab: "Kamu menyembah Allah seolah-olah melihat-Nya dan bila kamu tidak melihat-Nya sesungguhnya Dia melihatmu" (Hadis Riwayat Al-Bukhari, 1987, hlm. 50; Muslim, t.th., hlm. 9).

Oleh yang demikian, orang yang beriman hendaklah menjadi seorang yang beramal untuk memmanifestasikan keimanannya kepada semua rukun-rukun iman. Jika seorang itu mengaku bahawa dia beriman namun hakikatnya dia tidak mempamerkan imannya dengan melakukan amal, maka imannya adalah perhiasan dan cita-cita semata-mata. Individu seperti ini hanya menyangka bahawa dirinya adalah seorang yang beriman padahal hakikatnya imannya tidak sempurna. Melihat kepada fenomena merundumnya tahap keimanan masyarakat di zaman millennium ini mempengaruhi Malim Ghazali Pk untuk menegur khalayak lewat novel Daun, misalnya;

...Kata Tuan Toha, di dahan penghayatanlah tumbuhnya ranting kefahaman. Bertolak daripada ranting kefahaman pula terpancar dedaunan nur iman. Apabila rimbun nur iman, akan mekarlah bunga-bunga rindu Ilahi di singgahsana yang bernama kalbu. Menurutny lagi, akar yang berpaksi ke bumi ialah ibarat takwa dan hanya dengan asas itulah hakikat kebenaran dan keimanan akan menjulang ke langit...

(Daun, 2008, hlm. 35)

Pengarang menyatakan bahawa kekuatan sebenar umat Islam adalah takwa. Ia diperolehi apabila seseorang itu faham tentang agama Islam, tentang apa yang disukai dan apa yang dibenci Allah SWT. Dari situlah timbulnya bibit keimanan dalam hati sehingga mampu mencegah diri daripada melakukan dosa. Apabila iman dalam hati kian menebal, maka seseorang muslim itu akan merindukan Sang Penciptanya. Ibadahnya terasa indah dan keperibadiannya juga dekat dengan agama. Hasil dari kepercayaan kepada rukun-rukun iman ini menyebabkan seorang mukmin itu menyerahkan jiwa dan segala urusan kehidupannya hanya kepada Yang Maha Esa.

Melalui novel ini, persoalan sebenar yang ingin disampaikan pengarang menjadi tanda tanya kepada khalayak, “apa yang daun”, “apa yang dalam daun”. Peristiwa yang terdapat dalam novel merupakan “kehadiran dalam novel” dan “kehadiran luar novel” (Mana, 2013, hlm. 177). Subjek dalam novel iaitu watak Sifar digambarkan mencari identitinya dalam bidang penulisan. Manakala watak luar novel iaitu Tan Da-U mencari erti kehidupannya. Dapat dikatakan bahawa, antara masalah utama yang dihadapi Sifar adalah berkaitan dengan agama. Inilah salah satu subjek yang menjadi pusat protagonisnya. Maka diwujudkan watak Agoesalim, seorang radikal terhadap agama. Ia secara tidak langsung memaparkan idealisme Malim Ghozali tentang perjalanan hidup.

Budi Darma (2010, hlm. 225) dalam tulisannya ‘Makna Kebenaran Dalam Novel *Daun*’ menyatakan, “...*Daun* bukan sekadar realis, tetapi lebih daripada itu. Novel ini terasa amat transparansi. Ketika membaca novel ini, rasanya bukan sekadar membaca kisah tokohnya (wataknya), tetapi membaca kisah peribadi pengarangnya sendiri”. Ia berbeza daripada penulis wanita seperti Azmah Nordin, beliau sendeng membawakan pertelingkahan realiti manusia dalam bidang perubatan, perundangan, keusahawanan dan perhotelan (Mawar & Tuan Rusmawati, 2015, hlm. 179).

Malim Ghozali dilihat menyatakan pegangannya terhadap agama termasuklah tentang ilmu tasawuf, ilmu tarekat dan prinsip tasyrik Islami. Beliau pernah menghasilkan kajian tentang sains dan al-Quran lewat bukunya, *The Profound Truth: Understanding Perfection*, dan ini sekaligus membuktikan Malim Ghozali seorang yang memiliki Ilmu Mantik, Ilmu Sunah dan al-Quran yang tinggi. Hal ini kerana, penafsiran terhadap ayat al-Quran dikuasai beliau dengan baik dan tidak terpesong dari Islam (Mana, 2013, hlm. 184). Rumusan daripada permasalahan yang dibawa pengarang adalah keserasian antara ilmu dan prinsip hidup yang dipegang oleh seseorang tentang wacana Islam. Kecetekkan ilmu ini boleh menyebabkan seseorang terpesong dari akidahnya sebagaimana diperagakan oleh watak Agoesalim. Malim Ghozali menekankan tentang bagaimana seharusnya seseorang manusia yang ditugaskan sebagai khalifah (menyuruh yang baik, meninggalkan yang mungkar dan beriman kepada Allah) menjalankan amanah Allah. Golongan ulama’ khususnya mempunyai tugas yang lebih besar kerana mereka merupakan golongan yang dihormati dan disegani kerana ketinggian ilmu yang dimiliki. Sekiranya berlaku sesuatu yang buruk melibatkan golongan ulama’, maka nama baik Islam akan turut tercemar sebagaimana yang pernah dipaparkan di dada-dada akhbar tentang bagaimana keperibadian ulama’ tercalar akibat kekhilafan mereka sendiri serta sahsiah masyarakat yang kian menurun. Justeru itu, peristiwa yang benar-benar berlaku dalam masyarakat kini, ini disaring pengarang dan dituangkan ke dalam novel *Daun*. Ia dikerjakan pengarang lewat prinsip transformasi.

ii. *Sosial*

Sebelum perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, orang Melayu dikenali dengan bangsa Melayu (<https://www.editormalaysia.com/11127/>). Perkataan bangsa dari sudut undang-undang antarabangsa kini bermaksud sebuah negara yang diidentifikasi dalam kerangka takrifan negara. "Bangsa" dalam bahasa Inggeris bermaksud *nationality*. Dalam masyarakat Melayu pada zaman dahulu, istilah rakyat Raja Melayu yang beragama Islam dikenali sebagai orang Melayu dan kekal sehingga kini sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Sebelum Perlembagaan Persekutuan diwartakan, Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 mentakrifkan orang Melayu (termasuk Sabah dan Sarawak) dan orang asli sebagai penduduk asal di Tanah Melayu. Namun demikian, orang asli mahu mengekalkan etnik sebagai identiti mereka dan disebabkan itu, hanya orang Melayu dikenali dengan bangsa Melayu. Kini, lebih daripada 65 peratus orang Melayu Malaysia atau bumiputera dikenali sebagai bangsa Melayu ([https://ms.wikipedia.org/wiki/Orang\\_Melayu\\_Malaysia](https://ms.wikipedia.org/wiki/Orang_Melayu_Malaysia)). Mereka bertutur menggunakan bahasa Melayu, beragama Islam dan mengamalkan adat istiadat serta tradisi Melayu.

Suatu ketika dahulu pernah tercetus suatu kontroversi membabitkan sebuah buku yang memuatkan kenyataan tentang bangsa Melayu pada ketika itu. Ia ditulis oleh pemerintah yang memegang jawatan sebagai Menteri Pendidikan dalam era pemerintahan Tunku Abdul Rahman. Antara kandungan buku ini adalah, menteri berkenaan menyentuh soal kelemahan bangsa Melayu yang dikatakan penyebab kepada kemunduran bangsa itu sendiri. Dan oleh kerana kelemahan inilah, bangsa Melayu dikatakan tidak mampu bersaing dengan bangsa lain seperti Cina dan India dalam bidang ekonomi, politik dan sosial. Kelemahan yang dimaksudkan adalah budaya perkahwinan antara ahli keluarga misalnya. Hal ini sangat bersangkutan dengan pemikiran Melayu yang *ortodoks*. Pada hemat beliau, perkahwinan antara ahli keluarga hanya akan mewarisi ciri genetik yang sama misalnya lemah daya fikir, penyakit keturunan disebabkan ciri dominan yang sama. Malah agama Islam juga dikatakan menggalakkan kahwin campur. Namun begitu, Malim Ghazali (2008, hlm. 51) dilihat menampar isu sosial lain dengan memasukkan puisi beliau sendiri berjudul "Laksamana, Ku Cari Akar Rasional Amanat Atau Hanya Kata-Katakah Dilirih Angin Sepanjang Zaman" sebagai lambang protes terhadap kenyataan tersebut. Puisi ini pernah dibukukan bersama 62 buah puisi lain dalam *Hujan di Limun Angin* pada tahun sama. Pengarang menggambarkan;

...Sifar menyifatkan puisi itu sebagai protesnya apabila Imam Hathir membuat kenyataan bahawa "kemelatan orang Melayu adalah disebabkan oleh kemalasan mereka, bukan disebabkan takdir. Malangnya pada masa kenyataan itu dibuat *rating* Imam Hathir sedang memuncak harum bak capa rengat di tengah rimba...

(Daun, 2008, hlm. 53)

Tindakan pengarang menyisipkan puisi ini dikatakan berlaku menerusi prinsip sejajar. Puisi ini dilihat sejajar dengan idea yang hendak disampaikan dalam novel iaitu tentang permasalahan bangsa Melayu yang dilabel sebagai pemalas. Sesetengah orang Melayu digambarkan sebagai menafikan kemajuan diri atas sebab "berserah pada takdir". Justeru itu, menurut Malim Ghazali, tidak semua orang Melayu bersikap sedemikian. Ada dalam kalangan bangsa Melayu yang berjaya dalam bidang masing-masing malah mengharumkan nama

negara di persada dunia. Adalah tidak adil untuk melabelkan bangsa Melayu sedemikian. Ia dikatakan hanya stereotaip dan kenyataan peribadi semata-mata. Tidak hairanlah buku terbabit diharamkan penerbitannya pada tahun 1970 kerana dikhuatiri berbaur hasutan.

Dapat dikatakan bahawa, Malim Ghazali menyentuh soal nilai bangsa Melayu. Novel *Daun* ini dikatakan sebuah teks sastera yang ingin membangun masyarakat dan tamadun Islam yang kian terhakis (Mana, 2013, hlm. 185). Teks ini dilihat sebagai cerminan masyarakat yang menekankan aspek sosial (semangat kemasyarakatan) seperti yang ditekankan oleh Tan Da-U. Perpaduan dan integrasi antara kaum dalam kepelbagaian agama, budaya dan adat resam seharusnya membentuk suatu masyarakat harmoni. Ia diibaratkan dengan falsafah “dedaunan yang merimbun” yang menjadi tempat berteduh dan tunjangnya adalah pemerintah yang baik (akar). Pendekatan yang melibatkan sikap toleransi dan saling menjaga keamanan negara sangat penting dalam menjamin kedamaian sesebuah negara. Keretakan antara kaum boleh berlaku akibat sikap prejudis, stereotaip dan etnosentrik yang tidak sihat. Buku yang penuh kontroversi itu misalnya, dilihat sangat mengarah kepada perpecahan kaum, lebih-lebih lagi ia diterbitkan seusai Peristiwa 1969.

#### KESIMPULAN

Kedua-dua buah karya yang ditumpukan dalam kajian ini, cerpen “Tamsil Daun” dan novel *Daun*, dapat dilihat dari sisi kerangka dan fahaman “komunikasi” yang lebih luas dan anjal. Bahasa daun-daunan atau *hata bulung-bulung* dalam masyarakat Mandailing, digembleng kedua-dua penulis bagi mengutus makna dan falsafah tentang kemanusiaan dan ketuhanan. Ada ragam komunikasi yang akrab saling bersilangan antara banyak pihak. Mawar Safei dilihat mengajukan bentuk “komunikasi daun” sebagai pernyataan makna kepatuhan dalam permasalahan penutupan aurat. Ia diperagakan melalui watak Saya yang sering menerima kiriman surat daunan yang membawa nasihat agar Saya mengenakan “daun” sebagai pakaian takwa. Secara intertekstual, berlaku komunikasi teks melalui prinsip ekspansi antara surah al-A’raf dalam cerpen ini. Akhirnya, apa yang dibentangkan penulis adalah pertembungan antara keakuran dengan keingkaran dalam urusan agama. Sementara *Daun* merupakan sebuah novel yang simbolik dan sarat dengan pemikiran tentang “makna hidup” yang diibaratkan seperti daun. Malim Ghazali menggunakan kaedah komunikasi “dalam daun ada daun” untuk menyatakan kepekaannya terhadap isu agama dan sosial yang berlaku. Pengarang meletakkan dirinya sebagai Sifar yang berperwatakan sebagai pengarang dalam novel *Daun*. Ditemukan, Malim Ghazali Pk menjalani pengalaman intertekstual dengan mentransformasi ilmu al-Qur’an yang diperdalam dan melakarkannya dengan lebih berseni dalam *Daun*.

Akhir sekali, membaca hubungan antara teks, hubungan di antara pengarang dengan khalayak, hubungan di antara pengarang dengan teks, yang diperagakan dalam kajian ini membawakan pemerihalhan serta anjuran kaedah dan ragam komunikasi. Ternyata “komunikasi” bukan sahaja terletak dalam kurungan yang sempit akan perhubungan langsung atau tidak langsung melalui perantaraan wahana tertentu yang digunakan untuk berhubung sesama manusia. “Komunikasi” itu lebih jauh capahannya dan sangat mujarad hukum gerakannya. Antara yang ditumpukan secara khas dalam makalah ini adalah “komunikasi daun” yang bukan sahaja beraksi secara dinamis lahiriah, ia sesungguhnya hidup dan tumbuh melangkaui batas yang terlihat mata manusia. Komunikasi bahasa batiniah manusia dalam perjalanan mengenal lebih lanjut Allah yang *al-Mutakabbir* dan *al-Bari’*, teradun dalam kedua-dua karya sastera yang ditampilkan kali ini. Hubungan paksi vertikal ini akhirnya menemukan manusia dengan erti hubungan komunikasi yang lebih luhur.



#### BIODATA

*Siti Dahlia Abdullah* ialah pensyarah di Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn Batu Pahat, Johor. Antara bidang pengkhususan beliau ialah pedagogi Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu. Beliau sedang memfokuskan kajian tesis Doktor Falsafah beliau dalam bidang kesusasteraan Melayu iaitu analisis terhadap beberapa buah novel karya penulis Malaysia melalui kerangka Al-Ghazali. Email: [sitidahlia@iptho.edu.my](mailto:sitidahlia@iptho.edu.my)

*Mawar Safei*, PhD, merupakan Profesor Madya di Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (Bitara Melayu), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususannya ialah Kreativiti dan Sastera Melayu. E-mel: [mawar.safei@ukm.edu.my](mailto:mawar.safei@ukm.edu.my)

*Tuan Rusmawati Raja Hassan*, PhD, merupakan Pensyarah di Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia. Bidang pengkhususannya ialah teori dan kritikan sastera. E-mel: [rusmawati@usm.my](mailto:rusmawati@usm.my)

#### RUJUKAN

- Abdullah @ Alwi Hj. Hassan. (1996). *The administration of Islamic law in Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Bukhari. (1987). *Sahih Al-Bukhari*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Biagi, S. (2015). *Media/impact: An introduction to mass media* (11th ed). Boston: Cengage Learning.
- Budi Darma. (2010). Pemikiran Malim Ghozali Pk. Dlm., *Novel Daun dan kumpulan cerpen Ini Chow Kit Road, Sudilah Mampir!*. Forum Sastera Serumpun di Universiti Negeri Jakarta (UNJ) Kampus Rawamangun, Jakarta.
- Darwin, C. (1872). *The expression of the emotions in man and animals*. London: John Murray. Retrieved from <http://darwin-online.org.uk/content/frameset?itemID=F1142&viewtype=text&pageseq=1>
- Editor Malaysia*. (2020, Sept 23). 17 inti pati pengumuman “Kerajaan Anwar”. Retrieved from <https://www.editormalaysia.com/11127/17/92020>
- Fazida Hj. Othman. (2007). Elemen-elemen alam sekitar dalam karya-karya terpilih Shahnnon Ahmad. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Institut Perguruan Islam Selangor*, 10, 90-102.
- Ghazali Din. (2019). Naluri kemasyarakatan dalam penciptaan kumpulan cerpen *Song of September* karya Malim Ghozali PK. *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN)*, 7(Januari), 217-246.
- Giles, H., & Powesland, P. F. (1975). *Speech style and social evaluation*. London: Academic Press.
- Hamka. (2015). *Tafsir al Azhar*. Jakarta: Gema Insani.
- Harun Mat Piah. (1989). *Puisi Melayu tradisional: Satu perbincangan genre dan fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasmawani Muhammad. (2012). Konflik intrapersonal dan interpersonal dalam *Daun*. Bangi: Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ibn Kathir, M. A. (2011). *Tafsir Ibn Katsir* (Abdul Ghoftar & Abu Ihsan, terj.). Jakarta: Pustaka Imam Syafie.
- Ibrahim Najaib Muhammad Iwad. (1975). *Al-Qada fi Al-Islam*. Kahirah: Majma' Al-Bunuth Al Islamiyyah.
- Khairul Azhar Meerangani. (2019). Peranan ulama dalam penyebaran ajaran Islam di Pulau Besar, Melaka. *Jurnal Al-Tamaddun*, 14(2), 65-74.
- Maharam Mamat. (2005). Isu-isu alam sekitar dalam sastera: Analisis novel Ramlee Awang Murshid. *Jurnal Pengajian Melayu*, 15, 86-120.
- Maharam Mamat. (2015). Etika alam sekitar dalam novel Jong Chian Lai dari perspektif pribumi. *Jurnal Melayu*, 14(2), 171-189.
- Mana Sikana. (2013). Daun karya Malim Ghozali PK: Magis Melayu pascamoden dlm *Berdiri Di Akar Diri: Kritikan sastera Melayu moden*. Kuala Lumpur: Penerbit Institut Terjemahan Buku Malaysia (ITBM).
- Mawar Safei. (2012). Tamsil daun. *Dewan Siswa*. Ogos: 14-17.
- Mawar Safei. (2015). *Dan coklat mengalir dari ruang buncah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mawar Safei, & Tuan Rusmawati. (2015). Konflik komunikasi dari “Bercak” ke *Menongkah Arus* karya Azmah Nordin. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Comunication*, 31(2), 169-182.
- Mawar Safei, & Nisah Haron. (2017). *Bagaimana saya menulis*. Kuala Lumpur: DBP.

- Malim Ghozali PK. (2008). *Daun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Malim Ghozali. (2008). *Hujan di limun angin*. Petaling Jaya: Seladang Ventures.
- Mohd Kamel Mat Salleh, Mohd Al-Adib Samuri, & Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim. (2016). Kedudukan fatwa dan pendapat mufti sebagai autoriti di Mahkamah Syariah Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 1(1), 1-25.
- Mohd Pozi Hj Masurori. (2004). *Hikayat Syah Kobat: Analisis struktur dan intertekstualiti* (Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Muhammad Haji Salleh. (2002). *Malay Poetry*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhd Norizam Jamian, & Saiful Bahri Md. Radzi. (2015). Kesusasteraan Melayu tradisional sebagai wadah komunikasi massa: Suatu Analisis. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 31(2), 183-194.
- Muslim, A. H. (n.d.). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya Al-Thurath Al-Araby.
- Nooh Gadot. (2005). Kedudukan dan Peranan Fatwa dalam Pelaksanaan Undang-Undang Syariah di Malaysia. Dlm. Siti Shamsiah Md Supi (pnyt.). *Asas dan Kerangka Perundangan Negara Islam – Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Noresah Baharom (Ed.). (2005). *Kamus dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Amirah Basiran, Nur Syazana Mohd Saberi, & Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Ajaran dan kepercayaan agama Islam. *Prosiding Seminar Tamadun 2012* di Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia (hlm. 175-194).
- Pamusuk Eneste. (2009). *Proses kreatif: Mengapa dan bagaimana saya mengarang*. Jakarta: Gramedia.
- Parker, A. (2013). *The creative process: Short story*. California: Smashwords.
- Putri Nasution. (2015). Entitas metafora leksikon flora Mandailing terhadap kebudayaannya. *Ranah: Jurnal Kajian Bahasa*, 4(2), 200.
- Rogers, E. M., & Kincaid, D. L. (1981). *Communication networks: Toward a new paradigm for research*. New York: Free Press.
- Saravanan P. Veeramuthu. (2017). Alam dan kehidupan bandar dalam kumpulan cerpen keinginan kecil di celah daun. *Journal of Education and Social Sciences*, 8(1: October), 10-17.
- Triana, H. W. (2012). Strategi komunikasi antara budaya Minangkabau-Mandailing: Analisis terhadap interaksi sosial komuniti kampus. *Jurnal Bahasa*, 12(2), 239-255.
- Turow, J. (2010). *Media today: An introduction to mass communication*. New York: Routledge.
- Wikipedia. (t.th.). Fatwa. Retrieved from [https://ms.wikipedia.org/wiki/Fatwa#cite\\_note-:2-617/9/2020](https://ms.wikipedia.org/wiki/Fatwa#cite_note-:2-617/9/2020)
- Wikipedia. (t.th.). Orang Melayu Malaysia 17/9/2020. Retrieved from [https://ms.wikipedia.org/wiki/Orang\\_Melayu\\_Malaysia17/9/2020](https://ms.wikipedia.org/wiki/Orang_Melayu_Malaysia17/9/2020)
- Yusmilayati Yunos. (2015). Petua dan tanda sebagai alat komunikasi dalam budaya masyarakat Jawa. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 3(2), 279-298.
- Za'aba (Zainal Abidin bin Ahmad). (1934). *Pelita mengarang: Ilmu mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zurinah Hassan. (2010). *Unsur alam dan puisi Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.